



**TERMA DAN SYARAT KEMPEN ‘BSN SIJIL SIMPANAN PREMIUM (BSN SSP)’  
TERMS AND CONDITIONS ‘BSN SIJIL SIMPANAN PREMIUM (BSN SSP)’ CAMPAIGN**

**TEMPOH KEMPEN / CAMPAIGN PERIOD**

- Kempen **BSN SSP Sijil Simpanan Premium (BSN SSP)** (“Kempen”) dianjurkan oleh Bank Simpanan Nasional (BSN) dan akan berlangsung dari **1 Januari 2025 hingga 31 Disember 2025** (“Tempoh Kempen”), melainkan dinyatakan sebaliknya oleh pihak BSN dari semasa ke semasa. Semua penyertaan yang diterima selepas Tempoh Kempen tamat tidak akan diterima dan/atau terbatal.

*The BSN Sijil Simpanan Premium (BSN SSP) Campaign ("Campaign") is organized by Bank Simpanan Nasional (BSN) commencing from 1 January 2025 to 31 December 2025 ("Campaign Period"), unless notified otherwise by BSN from time to time. All applications received outside the Campaign Period will not be accepted and/or disqualified.*

- Tertakluk kepada apa-apa perubahan berkaitan Kempen yang ditetapkan oleh BSN dari semasa ke semasa, BSN berhak untuk meminda Tempoh Kempen pada bila-bila masa, dengan memberi notis dalam tempoh yang difikirkan munasabah sebelum pindaan berkuat kuasa.

*Subject to any changes in relation to the Campaign which are to be determined by BSN from time to time, BSN reserves the right to amend, vary or extend the Campaign Period at any time, by giving a prior notice within the period BSN deems reasonable before the changes take effect.*

**KELAYAKAN / ELIGIBILITY**

- Individu yang layak menyertai kempen ini (“Individu Yang Layak”) adalah seperti berikut:  
*The following individuals are eligible to participate in this Campaign (“Eligible Individuals”):*
  - Terbuka kepada pelanggan baharu dan sedia ada BSN; dan  
*Open to new and existing customers of BSN; and*
  - Berumur dua belas (12) tahun dan keatas.  
*Aged twelve (12) years old and above.*
  - Penduduk tetap dan warga asing yang mempunyai alamat tetap di Malaysia.  
*Permanent residence and foreigners that have a permanent address in Malaysia.*
  - Simpanan minimum RM10 bagi BSN SSP (Mudarabah)  
*Minimum savings of RM10 for BSN SSP (Mudarabah)*
  - Simpanan minimum RM5,000 melalui BSN SSP (Tawarruq) bagi tempoh 12 bulan.  
*Minimum savings of RM5,000 via BSN SSP (tawarruq) for 12 months.*
- Individu-individu yang berikut **TIDAK LAYAK** untuk menyertai Kempen ini:  
*The following individuals shall **NOT BE ELIGIBLE** to participate in the Campaign:-.*
  - Kakitangan tetap dan/atau kontrak BSN atau anak syarikatnya atau syarikat-syarikat berkaitannya  
*Permanent and/or contract employees of BSN or its subsidiaries or its related companies.*



**TERMA DAN SYARAT KEMPEN ‘BSN SIJIL SIMPANAN PREMIUM (BSN SSP)’**

**TERMS AND CONDITIONS ‘BSN SIJIL SIMPANAN PREMIUM (BSN SSP)’ CAMPAIGN**

**TERMA KHUSUS BSN SSP (TAWARRUQ) / SPECIFIC TERMS FOR BSN SSP (TAWARRUQ)**

5. Terma dan syarat khusus adalah seperti berikut:

Amaun Peletakan	<p>Amaun Minimum: RM5,000 iaitu bersamaan lima ratus (500) unit SSP atau lain-lain jumlah yang ditetapkan oleh BSN dari semasa ke semasa dalam satu (1) transaksi.</p>
Tempoh Peletakan	Dua belas (12) bulan (dirujuk sebagai Tempoh Matang bagi BSN SSP (Tawarruq))
Keuntungan	<p>(a) Kadar Keuntungan:  Keuntungan (dividen) daripada Langganan BSN SSP, jika ada, akan diberikan kepada Pelanggan mengikut <b>kadar keuntungan (setahun)</b> yang telah ditetapkan pada waktu langganan BSN SSP dibuat (iaitu berdasarkan jumlah peletakan).</p> <p>(b) Bayaran Keuntungan (pada tarikh tamat Tempoh Matang):  Dikreditkan ke dalam akaun simpanan/ semasa Pelanggan di BSN (jika ada).</p> <p>(c) Formula Pengiraan  Keuntungan dikira berdasarkan pada baki harian perletakan. Keuntungan akan dikira dan dibayar pada tarikh tamat Tempoh Matang.   <b>Jumlah Amaun Peletakan x Kadar Keuntungan x Bilangan Hari Jumlah Amaun Peletakan / 365 (Bukan tahun lompat) @ 366 (tahun lompat)</b></p> <p>(d) Pengekalan BSN SSP (Tawarruq) selepas Tempoh Matang  Bagi BSN SSP yang tidak ditebus dan tidak dikeluarkan selepas tamat Tempoh Matang, Pelanggan bersetuju dan dengan ini mengarahkan pihak Bank untuk menukar BSN SSP (Tawarruq) tersebut selepas Tempoh Matang kepada BSN SSP (Mudarabah) berdasarkan kontrak Mudarabah mengikut kadar keuntungan indikatif semasa dan NPK seperti yang tertera di Laman Web Bank, tertakluk kepada terma dan syarat sedia ada. Penamaan BSN SSP (Tawarruq) juga akan ditukar kepada penamaan BSN SSP (Mudarabah) dengan sewajarnya apabila penukaran kepada BSN SSP (Mudarabah) (sekiranya ada).</p>



**TERMA DAN SYARAT KEMPEN ‘BSN SIJIL SIMPANAN PREMIUM (BSN SSP)’**

**TERMS AND CONDITIONS ‘BSN SIJIL SIMPANAN PREMIUM (BSN SSP)’ CAMPAIGN**

Penebusan	<p>Penebusan BSN SSP (Tawarruq) adalah tertakluk kepada:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) Hanya penebusan penuh dibenarkan untuk amaun peletakan yang dinyatakan;</li> <li>(b) Penebusan awal sebelum tarikh tamat Tempoh Matang dibenarkan dan tertakluk kepada syarat penebusan awal di bawah;</li> <li>(c) Sekiranya Pelanggan membuat penebusan atau permintaan awal terhadap Harga Jualan (amaun peletakan berserta keuntungan) sebelum tarikh tamat Tempoh Matang, Pelanggan dengan ini mengesahkan dan bersetuju untuk memberikan rebat (ibra') seperti berikut:           <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Bagi penebusan yang dilakukan dalam tempoh <b>kurang daripada satu (1) bulan</b> dari tarikh Langganan, Pelanggan bersetuju memberikan rebat (ibra') ke atas keseluruhan keuntungan. Oleh yang demikian, Pelanggan tidak akan menerima sebarang keuntungan;</li> <li>(ii) Bagi penebusan yang dilakukan <b>selepas tempoh satu (1) bulan atau lebih</b> dari tarikh Langganan, Pelanggan bersetuju memberikan rebat (ibra') ke atas sebahagian keuntungan. Oleh yang demikian, Pelanggan hanya akan mendapat keuntungan yang dikira berdasarkan Kadar Keuntungan Indikatif BSN SSP (Mudarabah) mengikut formula yang berkenaan yang mana hanya akan dibayar sekiranya peletakan memenuhi sepanjang bulan yang berkenaan.</li> </ul> </li> </ul>
-----------	--



**TERMA DAN SYARAT KEMPEN ‘BSN SIJIL SIMPANAN PREMIUM (BSN SSP)’**

**TERMS AND CONDITIONS ‘BSN SIJIL SIMPANAN PREMIUM (BSN SSP)’ CAMPAIGN**

Konsep Syariah	<ul style="list-style-type: none"> <li>(a) Konsep Syariah yang terpakai untuk Langganan BSN SSP dengan tempoh dan kadar keuntungan tetap adalah Tawarruq.</li> <li>(b) Wakalah (Kontrak Pewakilan) dengan menggunakan struktur dwi-wakil (<i>dual agency</i>) yang merangkumi: <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Pelantikan Bank sebagai wakil Pelanggan untuk membeli Komoditi dari pihak ketiga; dan</li> <li>(ii) Pelantikan Bank sebagai wakil Pelanggan untuk sempurnakan penjualan Komoditi secara Murabahah kepada Bank.</li> </ul> </li> <li>(c) Pelanggan mengakui, walaupun Komoditi yang terlibat di dalam transaksi perdagangan Tawarruq boleh dihantar secara fizikal, Pelanggan bersetuju bahawa penghantaran Komoditi secara fizikal ini tidak akan dilaksanakan. Namun sekiranya Pelanggan berhasrat untuk mengambil milikan fizikal Komoditi tersebut, Pelanggan perlu mengambil milikan fizikal tersebut mengikut cara yang bersesuaian dengan kos yang ditanggung oleh Pelanggan sendiri.</li> <li>(d) Pelanggan mempunyai hak untuk memohon dan pengambilan dan penyerahan Komoditi fizikal tertakluk kepada syarat-syarat minimum dan mematuhi terma dan syarat yang telah ditetapkan oleh penyedia Platfrom Komoditi. Permintaan bagi penyerahan Komoditi boleh dilakukan di mana-mana cawangan Bank pada waktu urusniaga perbankan dan/atau di kaunter promosi Bank. Urusan penyerahan di antara Pelanggan dan Platfrom Komoditi adalah ditanggung sendiri oleh Pelanggan.</li> </ul>
----------------	---



## TERMA DAN SYARAT KEMPEN ‘BSN SIJIL SIMPANAN PREMIUM (BSN SSP)’

### **TERMS AND CONDITIONS ‘BSN SIJIL SIMPANAN PREMIUM (BSN SSP)’ CAMPAIGN**

Langganan BSN SSP	<p>(a) Terdapat tiga (3) cara langganan BSN SSP (Tawarruq):</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) <u>Oleh Pelanggan:</u> Pelanggan bertindak atas kapasitinya sendiri sebagai Pelanggan dan pemilik BSN SSP.</li> <li>(ii) <u>Oleh wakil Pelanggan:</u> Langganan BSN SSP juga boleh dilakukan oleh pihak ketiga berdasarkan permintaan Pelanggan, melalui perlantikan agensi (<i>wakalah</i>), dengan tujuan melaksanakan langganan BSN SSP bagi pihak Pelanggan.</li> <li>(iii) <u>Oleh Pihak Ketiga:</u> BSN SSP juga boleh dilanggani oleh Pihak Ketiga (individu/organisasi/ syarikat) untuk dihadiahkan kepada Pelanggan sebagai pemberian cenderahati persaraan, anugerah cemerlang, anugerah khidmat setia, bonus, dll. Bagi langganan sebegini, Pihak Ketiga tersebut bertindak atas kapasitinya untuk melanggani BSN SSP. Seterusnya, Pihak Ketiga tersebut akan memindahkan hak milik BSN SSP tersebut kepada Pelanggan berdasarkan kontrak pemberian (<i>hibah</i>).</li> </ul> <p>(b) Bank berhak untuk menolak sebarang permohonan oleh Pelanggan dan/atau Pihak Ketiga untuk melanggani BSN SSP jika Pelanggan dan/atau Pihak Ketiga gagal mengemukakan maklumat dan/atau dokumen yang sah, lengkap dan/atau tepat yang diperlukan oleh Bank dan/atau Pelanggan dan/atau Pihak Ketiga tidak memenuhi sebarang syarat dan/atau syarat tambahan yang ditetapkan oleh Bank untuk tujuan tersebut.</p> <p>(c) Pelanggan dan/atau Pihak Ketiga bersetuju dan membernarkan Bank melakukan sebarang carian termasuk tetapi tidak terhad kepada carian insolvensi/kebankrapan dan penyaringan AMLA/CFT ke atas Pelanggan dan/atau Pihak Ketiga dalam memproses permohonan Pelanggan dan/atau Pihak Ketiga bagi langganan BSN SSP.</p> <p>(d) Langganan BSN SSP adalah tertakluk kepada syarat yang dikenakan oleh Bank termasuk umur minimum, jumlah Langganan minimum, dokumen pengenalan serta keperluan lain dan/atau dokumen sokongan yang mungkin ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa.</p> <p>(e) Langganan BSN SSP ini boleh dibuat melalui:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) kaunter cawangan BSN;</li> <li>(ii) perbankan internet myBSN; atau</li> <li>(iii) mana-mana saluran perbankan yang disediakan oleh Bank dari semasa ke semasa (sekiranya ada).</li> </ul>
-------------------	--



**TERMA DAN SYARAT KEMPEN ‘BSN SIJIL SIMPANAN PREMIUM (BSN SSP)’**

**TERMS AND CONDITIONS ‘BSN SIJIL SIMPANAN PREMIUM (BSN SSP)’ CAMPAIGN**

<p>Lain-Lain Terma dan Syarat Khusus</p>	<p><b>PERLANTIKAN BANK SEBAGAI EJEN</b></p> <p>(a) Pelanggan bersetuju melantik Bank dan Bank bersetuju menerima pelantikan sebagai ejen kepada Pelanggan secara wakil mutlak melalui akad Wakalah untuk melaksanakan perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Membeli Komoditi daripada Pembekal Komoditi; dan</li> <li>(ii) Menyempurnakan penjualan Komoditi kepada Bank secara Murabahah pada Harga Jualan secara bayaran tertangguh.</li> </ul> <p>(b) Bank sebagai ejen Pelanggan, akan membeli Komoditi pada Harga Belian daripada Pembekal Komoditi secara tunai pada Hari Urusniaga Perdagangan.</p> <p>(c) Selepas itu, Bank sebagai ejen Pelanggan akan menyempurnakan penjualan Komoditi kepada Bank secara Murabahah pada Harga Jualan secara bayaran tertangguh.</p> <p>(d) Seterusnya, Bank akan menjual Komoditi kepada Pembekal yang lain secara tunai pada harga bersamaan dengan jumlah deposit Pelanggan.</p> <p>(e) Transaksi Perdagangan Komoditi akan dilaksanakan setiap hari berdasarkan setiap jumlah deposit oleh Pelanggan pada tarikh Langganan / peletakan deposit.</p> <p>(f) Harga Jualan dikira seperti berikut:  <b>Harga Jualan = Jumlah Peletakan (RM) + Jumlah Keuntungan (RM)</b></p> <p>(g) Keuntungan akan dikira berdasarkan formula berikut:  <b>Jumlah Keuntungan = Jumlah Peletakan (RM) x Kadar Keuntungan (%) x Bilangan Hari Peletakan / 365 @ 366</b></p> <p>(h) Pada tarikh tamat Tempoh Matang, Bank akan membayar Harga Jualan berdasarkan kepada kaedah pembayaran sepertimana dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini.</p> <p>(i) Pelanggan bersetuju bahawa perwakilan yang diberikan kepada Bank seperti yang dinyatakan di bawah sub-klausula (a) terpakai kepada semua urusan langganan BSN SSP Pelanggan.</p> <p>(j) Bank hanya akan bertindak sebagai ejen (membeli dan menjual Komoditi) dan tidak akan menerima, atau dilihat sebagai menerima apa-apa tanggungjawab tambahan untuk, atau mempunyai apa-apa tanggungjawab tambahan untuk, atau mempunyai apa-apa hubungan istimewa dengan Pelanggan.</p>
--	--



## TERMA DAN SYARAT KEMPEN ‘BSN SIJIL SIMPANAN PREMIUM (BSN SSP)’

### TERMS AND CONDITIONS ‘BSN SIJIL SIMPANAN PREMIUM (BSN SSP)’ CAMPAIGN

	<p>(k) Pihak Bank akan, dalam menjalankan tanggungjawabnya dalam membeli dan menjual Komoditi, menjaga kepentingan pihak Pelanggan dan bertindak secara ikhlas.</p> <p>(l) Pelanggan bersetuju untuk menanggung rugi Bank terhadap segala tindakan, tuntutan, permintaan, liabiliti, kerugian, ganti-rugi, kos dan perbelanjaan dalam apa-apa bentuk yang mungkin ditanggungoleh Bank akibat daripada tindakan sebagai ejen Pelanggan dalam transaksi Komoditi Tawarruq atau disebabkan pelanggaran obligasi oleh Pelanggan kecuali tindakan, tuntutan, permintaan, liabiliti, kerugian, ganti-rugi, kos dan perbelanjaan tersebut adalah disebabkan oleh salah laku sengaja, kecuaian melampau atau penipuan pihak Bank. Tanggung rugi ini akan terus berkuatkuasa meskipun terma dan syarat ini ditamatkan dan apa-apa jumlah yang perlu dibayar di bawah ini tidak akan dikenakan potongan sama ada melalui tolak selesai, tuntutan balas atau sebaliknya.</p> <p>(m) Bank sebagai ejen kepada Pelanggan tidak akan dipertanggungjawabkan sekiranya Pelanggan mengalami kerugian atau kerosakan ke atas kepentingan Pelanggan (Muwakkil) kecuali kerugian atau kerosakan berlaku disebabkan oleh salah laku sengaja, kecuaian melampau, penipuan atau pelanggaran syarat-syarat tertentu oleh Bank.</p>
--	--

#### MEKANISME KEMPEN / CAMPAIGN MECHANISM

6. Penyertaan BSN SSP adalah berdasarkan jumlah sijil dalam gandaan RM10.  
*The participation of BSN SSP is based on the number of certificates in multiples of RM10.*
7. Untuk melayakkan diri, Individu Yang Layak perlu membuat simpanan mengikut syarat-syarat yang telah ditentukan bagi setiap kategori cabutan seperti di bawah:  
*To be eligible, the Eligible Individual will need to save following the conditions set for each draw category as below:*

Bil / No	Kategori Cabutan / Draw Category	Bulan Cabutan / Draw Month	Syarat Simpanan / Savings Requirement	Catatan / Remarks
1	<b>Cabutan Jutawan / Millionaire Draw</b>	Jan – Dis Jan – Dec	- Simpanan Minimum / <i>Minimum Savings:</i> RM3,000	Cabutan Bulan November: i) Khas untuk Guru & Pekerja


**TERMA DAN SYARAT KEMPEN ‘BSN SIJIL SIMPANAN PREMIUM (BSN SSP)’**
**TERMS AND CONDITIONS ‘BSN SIJIL SIMPANAN PREMIUM (BSN SSP)’ CAMPAIGN**

			<ul style="list-style-type: none"> <li>- Tempoh Simpanan Minimum / <i>Minimum savings period:</i> 60 Hari / days</li> </ul>	Barisan Hadapan ii) Tiada tempoh simpanan 60 hari <i>November Draw:</i> i) <i>Special Draw for Teachers &amp; Frontliners</i> ii) <i>60 day saving period does not apply</i>
2	<b>Cabutan Bulanan / Monthly Draw</b>	Jan – Dis Jan - Dec	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Simpanan Minimum / <i>Minimum Savings:</i> RM10</li> </ul>	-
3	<b>Cabutan Simpanan Konsisten (Gandaan penyertaan) / Regular Savers Draw (Double chances)</b>	Dis / Dec	<p><b>Syarat Hadiah Utama / Grand Prize Condition</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Simpanan Minimum / <i>Minimum Savings:</i> RM500</li> <li>- Peletakan minimum 6 bulan pada tahun 2025 dengan penambahan terkumpul sebanyak RM6,000 daripada baki akhir Dis-24. <i>Minimum 6 months placement in 2025 with accumulated incremental of RM6,000 from Dec-24 end balance.</i></li> </ul>	-
		Mac, Jun, Sept, Dis Mar, June, Sept, Dec	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Simpanan Minimum / <i>Minimum Savings:</i> RM500</li> <li>- Simpanan untuk 3 bulan berturut-turut sebelum cabutan. <i>Consistent saving for 3 consecutive months prior to draw.</i></li> </ul>	-
4	<b>Cabutan Negeri / State Draw</b>	Jan – Dis Jan – Dec	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Simpanan Minimum / <i>Minimum Savings:</i> RM500</li> </ul>	Cabutan Dibahagikan kepada negeri Draw is split according to 13 states


**TERMA DAN SYARAT KEMPEN ‘BSN SIJIL SIMPANAN**
**PREMIUM (BSN SSP)**
**TERMS AND CONDITIONS ‘BSN SIJIL SIMPANAN PREMIUM**
**(BSN SSP) CAMPAIGN**

5	<b>Cabutan Penyimpan Muda / Young Savers Draw</b>	Mac, Jun, Sept, Dis <i>Mar, June, Sept, Dec</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Simpanan Minimum / <i>Minimum Savings: RM100</i></li> </ul>	Cabutan ini hanya untuk pelanggan berumur 12 – 21 tahun. <i>This draw is only for customers aged 12 – 21 years old</i>
6	<b>Cabutan Kesetiaan / Loyalty Draw</b>	Feb, Mei, Ogos, Nov <i>Feb, May, Aug, Nov</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Simpanan Minimum / <i>Minimum Savings: RM500</i></li> <li>- Pelanggan perlu membuat simpanan baru min. RM500 pada tahun 2025. <i>Customers will need to make a min. new saving of RM500 in 2025.</i></li> </ul>	Cabutan ini adalah layak bagi yang telah menyimpan min. 20 tahun dan keatas. <i>This draw is for savers of 20 years and above.</i>
7	<b>Cabutan Penyimpan Baharu / New Saver Draw</b>	Feb, April, Jun, Ogos, Okt, Dis <i>Feb, Apr, June, Aug, Oct, Dec</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Simpanan Minimum / <i>Minimum Savings: RM500</i></li> </ul>	Pelanggan perlu merupakan pelanggan baharu bank <i>Customer must be new to bank customer</i>
8	<b>Cabutan Kerjaya / Profession Draw</b>	Jan – Dis <i>Jan – Dec</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Simpanan Minimum / <i>Minimum Savings: RM500</i></li> </ul>	Jan / Mei / Sept – Guru <i>Jan / May / Sept – Teachers</i>  Feb / Jun / Okt – Polis dan Tentera <i>Feb / June / Oct – Police and Army</i>  Mac / Jul / Nov – Pekerja Perubatan <i>Mar / July / Nov – Medical Workers</i>  Apr / Ogos / Dis – Perempuan <i>Apr / Aug / Dec - Women</i>



**TERMA DAN SYARAT KEMPEN ‘BSN SIJIL SIMPANAN PREMIUM (BSN SSP)’**

**TERMS AND CONDITIONS ‘BSN SIJIL SIMPANAN PREMIUM (BSN SSP)’ CAMPAIGN**

9	<b>Cabutan Akaun Gaji / Salary Account Draw</b>	Feb, Mei, Ogos, Nov <i>Feb, May, Aug, Nov</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Simpanan Minimum / <i>Minimum Savings:</i> RM500</li> <li>- Pelanggan perlu memastikan purata baki akaun gaji minimum RM1,000. <i>Customer needs to ensure that the average minimum balance in salary account of RM1,000.</i></li> <li>- Kemasukan gaji di dalam akaun selama 3 bulan berturut-turut. <i>Consistent salary credit into salary account for 3 consecutive months.</i></li> </ul>	<p>Pelanggan di dalam cabutan perlu ada akaun gaji bersama BSN. <i>Customers in this draw must have a salary account with BSN.</i></p>
10	<b>Cabutan Perayaan / Festive Draw</b>	Jan – Dis <i>Jan – Dec</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Simpanan Minimum / <i>Minimum Savings:</i> RM500</li> </ul>	<p>Simpanan yang layak adalah simpanan baharu sebelum cabutan seterusnya. <i>For the savings to be eligible, the customer must make new placement before the next draw.</i></p>
11	<b>Cabutan Kasih / Kasih Draw</b>	Jun & Dis <i>June &amp; Dec</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Simpanan Minimum / <i>Minimum Savings:</i> RM100</li> </ul>	<p>Pelanggan yang layak untuk cabutan ini adalah penerima Sumbangan Tunai Rahmah (STR) atau mana bantuan daripada saluran BSN. <i>Customers who are eligible for this draw is Sumbangan Tunai Rahmah (STR) recipients or any financial aid via BSN channels.</i></p>

8. Simpanan boleh dibuat melalui mana-mana saluran simpanan BSN seperti berikut:  
*Savings can be made via any of the following BSN's savings channels:*



**TERMA DAN SYARAT KEMPEN ‘BSN SIJIL SIMPANAN PREMIUM (BSN SSP)’**

**TERMS AND CONDITIONS ‘BSN SIJIL SIMPANAN PREMIUM (BSN SSP)’ CAMPAIGN**

- i) Mesin Teller Automatik (ATM) / *Automated Teller Machine (ATM)*;
- ii) Mesin Deposit Tunai (CDM) / *Cash Deposit Machine (CDM)*;
- iii) Perbankan Internet myBSN / *myBSN Internet Banking*;
- iv) Cawangan BSN (kaunter) / *BSN branch (over the counter)*;
- v) Cawangan Bas Bergerak BSN / *BSN Mobile Branch*.

**HADIAH / PRIZES**

9. Individu Yang Layak berpeluang untuk memenangi hadiah berikut yang ditawarkan dalam Kempen ini (“Hadiah”):

*The Eligible Individual will stand a chance to win the following prize(s) offered under this Campaign (“Prize”):*

Bil / No	Kategori Cabutan / Draw Category	Hadiah / Prizes
1	<b>Cabutan Jutawan / Millionaire Draw</b>	BSN SSP RM1,000,000 x 1 pemenang setiap bulan / winner each month
2	<b>Cabutan Bulanan / Monthly Draw</b>	BSN SSP RM100,000 x 1 pemenang setiap bulan / winner each month
3	<b>Cabutan Simpanan Konsisten / Regular Savers Draw</b>	Hadiah Utama (Dis) / <i>Grand Prize (Dec)</i> : BMW 5 Series x 1 pemenang / <i>winner</i>
		Hadiah Mac / <i>March Prize</i> : BMW 320i Sedan x 1 pemenang / <i>winner</i>
		Hadiah Jun / <i>June Prize</i> : Mercedes EQA x 1 pemenang / <i>winner</i>
		Hadiah Sept / <i>Sept Prize</i> : BMW iX2 x 1 pemenang / <i>winner</i>
		Hadiah Dis / Dec Prize: Mercedes A250 x 1 pemenang / <i>winner</i>
		Hadiah Pertama / <i>First Prize</i> : BSN SSP RM10,000 x 3 pemenang setiap bulan / <i>winners each month</i>
4	<b>Cabutan Negeri / State Draw</b>	Hadiah Pertama / <i>First Prize</i> : Perodua Myvi 1.5L x 1 pemenang setiap negeri / <i>winner each state</i>
		Hadiah Saguhati / <i>Consolation Prize</i> : BSN SSP RM100 x 100 pemenang setiap bulan / <i>winner each month</i>


**TERMA DAN SYARAT KEMPEN ‘BSN SIJIL SIMPANAN PREMIUM (BSN SSP)’**
**TERMS AND CONDITIONS ‘BSN SIJIL SIMPANAN PREMIUM (BSN SSP)’ CAMPAIGN**

5	<b>Cabutan Penyimpan Muda / Young Savers Draw</b>	Hadiah Pertama / <i>First Prize</i> : Baucar Apple Bernilai RM15,000 x 1 pemenang setiap bulan / <i>winner each month</i> Hadiah Kedua / <i>Second Prize</i> : Baucar Apple Bernilai RM10,000 x 3 pemenang setiap bulan / <i>winner each month</i>
6	<b>Cabutan Kesetiaan / Loyalty Draw</b>	Hadiah Pertama / <i>First Prize</i> : Baucar Barang Kemas bernilai RM25,000 x 1 pemenang setiap bulan / <i>winner each month</i> Hadiah Kedua / <i>Second Prize</i> : BSN SSP RM10,000 x 3 pemenang setiap bulan / <i>winner each month</i>
7	<b>Cabutan Penyimpan Baharu / New Saver Draw</b>	Hadiah Pertama / <i>First Prize</i> : Perodua Myvi 1.5L x 1 pemenang setiap bulan / <i>winner each month</i> Hadiah Kedua / <i>Second Prize</i> : BSN SSP RM20,000 x 3 pemenang setiap bulan / <i>winner each month</i>
8	<b>Cabutan Kerjaya / Profession Draw</b>	Hadiah Pertama / <i>First Prize</i> : Proton X50 x 1 pemenang setiap bulan / <i>winner each month</i> Hadiah Kedua / <i>Second Prize</i> : Paket umrah / percutian bernilai RM20,000 x 1 pemenang setiap bulan / <i>winner each month</i> Hadiah Ketiga / <i>Third Prize</i> : BSN SSP RM10,000 x 3 pemenang setiap bulan / <i>winner each month</i>
9	<b>Cabutan Akaun Gaji / Salary Account Draw</b>	Hadiah Pertama / <i>First Prize</i> : BSN SSP RM20,000 x 1 pemenang setiap bulan / <i>winner each month</i> Hadiah Kedua / <i>Second Prize</i> : BSN SSP RM10,000x 3 pemenang setiap bulan / <i>winner each month</i>


**TERMA DAN SYARAT KEMPEN ‘BSN SIJIL SIMPANAN PREMIUM (BSN SSP)’**
***TERMS AND CONDITIONS ‘BSN SIJIL SIMPANAN PREMIUM (BSN SSP)’ CAMPAIGN***

10	<b>Cabutan Perayaan / Festive Draw</b>	BSN SSP RM20,000 x 2 pemenang setiap bulan / <i>winner each month</i>
11	<b>Cabutan Kasih / Kasih Draw</b>	Hadiah Pertama / <i>First Prize</i> : Perodua Ativa x 1 pemenang setiap bulan / <i>winner each month</i>
Hadiah Kedua / <i>Second Prize</i> : BSN SSP RM20,000x 2 pemenang setiap bulan / <i>winner each month</i>		

**KADAR KEUNTUNGAN / PROFIT RATE**

10. BSN juga menawarkan kadar keuntungan bagi simpanan dengan tempoh 12 bulan seperti jadual di bawah:

*BSN is also offering profit rates for placement of 12-months as per below table:*

<b>Perletakan Amaun Minimum Dalam Satu Transaksi Tunggal</b> <i>Minimum Placement Amount in A Single Transaction</i>	<b>Tempoh Pegangan</b> <i>Holding Period</i>	<b>*Kadar Keuntungan (setahun)</b> <i>*Profit rate (p.a.)</i>
RM5,000 – RM10,000		1.80%
RM10,010 – RM20,000		2.20%
RM20,010 – RM50,000		2.30%
RM50,010 dan ke atas <i>RM50,010 and above</i>	12 bulan / <i>months</i>	2.50%

\*Kadar Keuntungan di Jadual 1 berkuatkuasa mulai 1 Januari 2025 bagi peletakan baharu di sepanjang Tempoh Kempen sahaja dan tidak terpakai bagi mana-mana peletakan sedia ada.

*\*Profit rate effective from 1 January 2025 for any new placement during the Campaign Period only and is inapplicable for existing placement.*

11. Perletakan Amaun Minimum menikmati kadar keuntungan seperti jadual diatas adalah RM5,000 dan akan ditandakan oleh sistem mengikut Tempoh Pengekalan.  
*The Minimum Placement Amount to enjoy the profit rates offered in the above table is RM5,000 and will be tagged by the system according to the Retention Period.*
12. Perletakan baharu hendaklah dilakukan dalam Satu Transaksi Tunggal (satu sijil) dengan Amaun Perletakan Minimum yang telah ditetapkan seperti di Jadual 1.  
*The new placement must be made in a single transaction (one certificate) in accordance to the specified Minimum Placement Amount in Table 1 above.*



## TERMA DAN SYARAT KEMPEN 'BSN SIJIL SIMPANAN PREMIUM (BSN SSP)'

### ***TERMS AND CONDITIONS 'BSN SIJIL SIMPANAN PREMIUM (BSN SSP)' CAMPAIGN***

13. Perletakan adalah secara tunai, debit akaun dan cek melalui kaunter bank BSN dan/atau kaunter promosi BSN sahaja.  
*Placement are by cash, account debit and cheque via BSN bank counter and/or BSN promotion counter only.*
14. Penukaran BSN SSP adalah tertakluk kepada penggenapan Amaun Perletakan Minimum dalam setiap sijil tunggal MANAKALA penggenapan Amaun Perletakan Minimum melalui kombinasi lebih dari satu sijil unit adalah tidak dibenarkan.  
*Conversion of BSN SSP is subject to the fulfilment of the Minimum Placement Amount in each of the single certificate HOWEVER the fulfilment of a Minimum Placement Amount through a combination of more than one certificate is not allowed.*
15. Kaedah pengiraan keuntungan bagi penebusan awal yang dilakukan selepas tempoh satu (1) bulan atau lebih dari tarikh perletakan, adalah tertakluk kepada Terma dan Syarat pengiraan keuntungan BSN SSP (Mudarabah) dan dikira berdasarkan kepada baki minimum bulanan dan kadar keuntungan indikatif BSN SSP (Mudarabah) dan hanya akan dibayar sekiranya peletakan di dalam Akaun BSN SSP (Tawarruq) kekal di dalam Akaun sepanjang bulan. Kadar keuntungan indikatif BSN SSP boleh dirujuk melalui laman sesawang BSN [www.bsn.com.my](http://www.bsn.com.my).  
*The profit calculation method for an early redemption made after a period of one (1) month or more from the placement date, is based on the calculation of profit for BSN SSP (Mudarabah) and will be calculated based on minimum monthly balance and and will only be paid if the placement in the BSN SSP (Tawarruq) Account remains in the Account for the entire month. The BSN SSP's indicative profit rate can be referred via BSN's Website [www.bsn.com.my](http://www.bsn.com.my).*
16. BSN berhak atas budi bicaranya untuk menggantikan mana-mana Hadiah dengan barang yang sama nilainya, pada bila-bila masa dengan notis jika Hadiah tersebut tidak tersedia atas apa jua alasan. Semua Hadiah diberikan dalam 'keadaan sedia ada' dan tidak boleh ditukarkan dengan wang tunai, kredit, barang lain atau baucar, sama ada sebahagian atau sepenuhnya.  
*BSN reserves the right in its discretion to substitute any of the Prizes with items of equivalent value, at any time with prior notice if the awarded Prizes are unavailable for any reason whatsoever. All Prizes are given on an "as is" basis and are not exchangeable for cash, credit, other items or voucher, in part or in full.*
17. Hadiah mesti dituntut sendiri oleh Pemenang dalam tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh cabutan jika gagal, Pemenang akan dianggap telah kehilangan Hadiah dan Bank berhak mengikut budi bicaranya untuk melupuskan Hadiah mengikut cara yang ianya difikirkan sesuai, termasuk tetapi tidak terhad kepada dengan memilih pemenang baru sebagai pengganti. Melainkan dinyatakan sebaliknya di sini, sebarang tuntutan yang dibuat oleh pihak ketiga tidak akan dilayan.  
*The Prizes must be claimed by the Winners themselves within twelve (12) months from the draw date failing which the Winner shall be deemed to have forfeited the Prize and the Bank reserves the right at its discretion to dispose of the Prize in the manner as it deems fit, including but not limited to by selecting a new winner as a substitute. Unless provided otherwise herein, any claim made by a third party will not be entertained.*
18. BSN tidak memberi sebarang representasi atau jaminan berkenaan dengan kualiti dan/atau



## TERMA DAN SYARAT KEMPEN ‘BSN SIJIL SIMPANAN PREMIUM (BSN SSP)’

### ***TERMS AND CONDITIONS ‘BSN SIJIL SIMPANAN PREMIUM (BSN SSP)’ CAMPAIGN***

kesesuaian apa sahaja Hadiah dan tidak bertanggungjawab untuk menggantikan sebarang Hadiah yang hilang, dicuri atau rosak semasa penghantaran. / *BSN makes no representation or warranty with respect to quality and/or suitability of the Prizes and shall not be responsible to replace any lost, stolen or defective Prizes during delivery.*

19. Penentuan Pemenang adalah muktamad. Tiada sebarang surat-menurut, pertanyaan, rayuan atau protes berhubung perkara ini akan dilayan. / *The determination of the Winners is final. No correspondence, queries, appeals or protest on this matter will be entertained.*
20. BSN tidak menjamin atau menjanjikan sebarang keputusan tertentu kepada mana-mana Individu yang Layak berhubung penyertaan dalam Kempen ini.  
*BSN does not guarantee or not promise any specific results to the Eligible Individual in relation to the participation in this Campaign.*

#### **HAK BANK / BANK’S RIGHT**

21. BSN mempunyai hak untuk mengubah suai, menggantung, menarik balik atau membatalkan Kempen ini pada bila-bila masa dan atas apa jua sebab termasuklah tetapi tidak terhad kepada sekiranya ia tidak dapat berjalan seperti yang dirancang atas sebarang sebab termasuk gangguan atau kerosakan teknikal, termasuk tetapi tidak terhad kepada jangkitan oleh virus komputer, pepijat, penggodaman, campur tangan tanpa izin, penipuan, kegagalan teknikal, atau apa-apa sebab di luar kawalan BSN. BSN tidak akan bertanggungjawab atau menerima sebarang liabiliti yang ditanggung oleh Pelanggan yang Layak secara langsung atau tidak langsung yang disebabkan oleh perubahan ini.  
*BSN reserves the right to modify, suspend, withdraw or cancel this Campaign at any time and for any reason whatsoever including but not limited to in the event that it becomes incapable of running as planned, technically interfered or corrupted, including but not limited to infection by computer virus, bugs, tampering, unauthorised intervention, fraud, technical failures, or any other causes beyond the control of BSN. BSN will not be responsible for or accept any liability incurred by the Eligible Customer(s) directly or indirectly, caused by the changes.*
22. BSN berhak, mengikut budi bicara mutlaknya, untuk membatalkan penyertaan mana-mana Pelanggan yang Layak yang didapati atau disyaki menyalahgunakan proses penghantaran penyertaan Kempen, operasi Kempen ini atau melanggar Terma dan Syarat Kempen. BSN mempunyai hak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap mana-mana individu yang BSN percayai telah melaksanakan aktiviti penipuan atau lain-lain aktiviti negatif berkait dengan Kempen ini.  
*BSN reserves the right, in its sole discretion, to disqualify any Eligible Customers that is found or suspected of tampering with the Campaign’s process, the operation of this Campaign or to be in violation of the Terms and Conditions of this Campaign. BSN reserves the right to pursue legal action against any individual it believes has undertaken fraudulent activities or other activities harmful to this Campaign.*



## TERMA DAN SYARAT KEMPEN ‘BSN SIJIL SIMPANAN PREMIUM (BSN SSP)’

## *TERMS AND CONDITIONS ‘BSN SIJIL SIMPANAN PREMIUM (BSN SSP)’ CAMPAIGN*

### LIABILITI DAN TANGGUNGJAWAB / LIABILITY AND RESPONSIBILITY

23. Pelanggan yang Layak adalah bertanggungjawab dan menanggung sepenuhnya sebarang liabiliti, kejadian yang tidak diingini, kecederaan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan (termasuk kematian) yang timbul akibat daripada penyertaan Kempen ini.  
*Eligible Customers shall assume full liability and responsibility in case of any liability, mishap, injury, damage, claim or accidents (including death) resulting from their participation in this Campaign.*
  
24. Sebarang kos yang dikeluarkan untuk menyertai Kempen ini adalah di bawah tanggungjawab penuh Pelanggan yang Layak / pemenang.  
*Any expenses incurred to participate in this Campaign and/or to redeem the Prize is the sole responsibility of the Eligible Customer / winner.*
  
25. BSN juga tidak akan bertanggungjawab terhadap gangguan teknikal yang menghalang mana-mana individu daripada menyertai Kempen ini.  
*BSN is not responsible for technical problems that prevent any individual from participating in this Campaign.*
  
26. BSN tidak menjamin dan tidak menjanjikan sebarang keputusan tertentu daripada penyertaan Kempen ini.  
*BSN cannot guarantee and does not promise any specific results from participating in this Campaign.*

### DATA PERIBADI / PERSONAL DATA

27. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak dengan ini bersetuju memberikan keizinan kepada BSN dan/atau sekutu berkenaan dengannya dan/atau pihak ketiga yang dilantik oleh BSN, sekiranya ada, untuk menggunakan Data Peribadi dan butiran penyertaan seperti yang diberikan kepada BSN untuk tujuan Kempen ini dan untuk kegunaan Cabutan BSN SSP tertakluk kepada Polisi Privasi yang terdapat di laman sesawang rasmi BSN di Laman Sesawang BSN; atau untuk mematuhi undang-undang, peraturan, polisi dan garis panduan yang ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia dan badan penyelia; atau untuk mematuhi perintah atau arahan Mahkamah; atau untuk mengesahkan status akaun Individu Yang Layak dengan mana-mana pihak ketiga; atau apabila diminta secara bertulis oleh Individu Yang Layak; atau untuk melindungi dan mempertahankan BSN dan aset BSN. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara Terma dan Syarat di sini dengan terma dan syarat di bawah Notis Privasi, terma dan syarat di bawah Notis Privasi akan diguna pakai.  
*By participating in this Campaign, the Eligible Participants hereby voluntarily gives express consent to BSN and/or its affiliates and/or third party service providers engaged by BSN, if any, to use the Personal Data and participation details provided to BSN for the purposes of this Campaign and for the BSN SSP Draw subject to the Privacy Policy that is available on the BSN’s Website; or to comply with laws, rules, regulations, policies and guidelines imposed by the Government of Malaysia or regulatory authority; or to comply with a Court order or direction; or to verify the Eligible Individual’s account status with any third party; or where the Eligible Individual requests in writing; or to protect and defence BSN*



## TERMA DAN SYARAT KEMPEN ‘BSN SIJIL SIMPANAN PREMIUM (BSN SSP)’

## ***TERMS AND CONDITIONS ‘BSN SIJIL SIMPANAN PREMIUM (BSN SSP)’ CAMPAIGN***

*or BSN’s asset. In the event of any inconsistency between this Terms and Conditions with the terms and conditions under the Privacy Notice, the terms and conditions under the Privacy Notice shall prevail.*

28. Pelanggan Layak dan/atau Pemenang-Pemenang mempunyai hak pada bila-bila masa untuk:

*The Eligible Customer(s) and/or Winners have the right at any time to:*

- a) Menarik balik kebenaran yang diberikan untuk menggunakan Data Peribadi;  
*Withdraw their consent for the use of Personal Data;*
- b) Meminta apa-apa pembetulan dilakukan/mengemaskini Data Peribadi; dan  
*Request for any correction/update of Personal Data; and*
- c) Bertanyakan sebarang pertanyaan mengenai penggunaan Data Peribadi dengan menghubungi BSN sepertimana dinyatakan dalam Polisi Privasi BSN.  
*Raise any questions regarding the use of Personal Data by contacting BSN as stated in the BSN’s Privacy Policy.*

29. Pelanggan Layak dan/atau Pemenang-Pemenang bersetuju penarikan balik kebenaran untuk menggunakan Data Peribadi mungkin menjelaskan perkhidmatan yang disediakan oleh BSN atau penyertaan Kempen ini dan oleh itu BSN mempunyai hak untuk menghentikan perkhidmatan BSN atau penyertaan Kempen ini oleh Pelanggan Layak dan/atau Pemenang-Pemenang yang dikaitkan dengan Data Peribadi tersebut dengan memberikan notis kepada Individu Yang Layak.

*The Eligible Customer(s) and/or Winners agree that the withdrawal of permission to use Personal Data may affect the services provided by BSN or participation in this Campaign and therefore BSN has the right to discontinue BSN services or the Eligible Customer’s participation in this Campaign associated with such Personal Data by giving notice to the Eligible Individual.*

### **TERMA & SYARAT AM / GENERAL TERMS & CONDITIONS**

30. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak dianggap telah bersetuju:-

*By participating in this Campaign, all Eligible Customers deemed to have agreed:-*

- a) Untuk terikat dengan Terma dan Syarat di sini, Terma dan Syarat BSN SSP (Sijil Simpanan Premium) berdasarkan konsep *Mudarabah* dan lain-lain terma dan syarat yang ditetapkan oleh BSN dari semasa ke semasa termasuk apa-apa pindaan; dan  
*To be bound by the Terms and Conditions herein, Terms and Conditions BSN SSP (Sijil Simpanan Premium) based on the concept of Mudarabah and any other terms and conditions stipulated by BSN from time to time including any amendment thereto; and*
- b) Untuk mengakses laman web [www.bsn.com.my](http://www.bsn.com.my) (“Laman Web BSN”) dari semasa ke semasa untuk memastikan Pelanggan yang Layak sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan yang dibuat kepada Terma dan Syarat.



**TERMA DAN SYARAT KEMPEN ‘BSN SIJIL SIMPANAN PREMIUM (BSN SSP)’**

**TERMS AND CONDITIONS ‘BSN SIJIL SIMPANAN PREMIUM (BSN SSP)’ CAMPAIGN**

*To access to www.bsn.com.my (“BSN’s Website”) on regular basis to ensure that the Eligible Customers are updated with any change or variation made to the Terms and Conditions.*

31. Semua keputusan yang dikeluarkan BSN berkaitan Kempen ini adalah muktamad, terikat ke atas semua Pelanggan yang Layak, konklusif dan tidak boleh dipertikaikan. Sebarang surat menyurat, rayuan dan/atau percubaan untuk mempertikaikannya tidak akan dilayan.

*All BSN’s decisions relating to this Campaign is final, binding on all Eligible Customers, conclusive and undisputable. No further correspondence and/or appeal to dispute the same will be entertained.*

32. Dalam apa keadaan sekalipun, BSN tidak akan bertanggungjawab dan/atau bertanggungan terhadap sebarang kerugian atau kerosakan (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, secara langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau ganti rugi khas mana-mana pihak termasuk pihak ketiga) yang timbul sama ada dalam kontrak, kecuaian atau sebaliknya, berkaitan dengan Kempen

*In no events will BSN be responsible and/or liable for any loss or damages (including without limitation to loss of income, profits or goodwill, direct or indirect, incidental, consequential, exemplary, punitive or special damages of any party including third parties) howsoever arising whether in contract, negligence or otherwise, in connection with the Campaign .*

33. BSN tidak akan bertanggungjawab dan/atau bertanggungan dan juga tidak menerima sebarang liabiliti dalam apa-apa bentuk dan bagaimana sekalipun timbul atau dialami oleh Pelanggan yang Layak yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung dalam menyertai Kempen ini atau sebaliknya. BSN tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kemungkinan obligasi di bawah Kempen ini disebabkan oleh kejadian *force majeure* yang termasuk tetapi tidak terhad kepada bencana alam, pandemik dan/atau epidemik peperangan, rusuhan, sekat masuk, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut atau sebarang kejadian di luar kawalan munasabah BSN.

*BSN shall not be responsible and/or liable nor shall it accept any form of liability in whatsoever nature and howsoever arising or suffered by Eligible Customers resulting, directly or indirectly, from participation in this Campaign or otherwise. Furthermore, BSN shall not be liable for any default of its obligation under this Campaign due to any force majeure event which includes but not limited to act of God, pandemic and/or epidemic, war, riot, lockout, industrial action, fire, flood, drought, storm or any event beyond the reasonable control of BSN.*

34. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak memberi kebenaran kepada BSN untuk menerbitkan atau memaparkan nama, gambar atau lain-lain maklumat Pelanggan yang Layak untuk tujuan pengiklanan, promosi dan pengumuman pemenang semasa dan akan datang dalam apa-apa cara yang difikirkan sesuai oleh BSN dan/atau penyedia Perkhidmatan yang diberikuasa oleh BSN.

*By participating in this Campaign, the Eligible Customers consent to BSN the right to publish or display the name, picture or any other information of the Eligible Customers for current and future advertising, promotional purposes and winner announcements in any manner that BSN and/or its authorized service providers deems appropriate.*



**TERMA DAN SYARAT KEMPEN ‘BSN SIJIL SIMPANAN PREMIUM (BSN SSP)’**

**TERMS AND CONDITIONS ‘BSN SIJIL SIMPANAN PREMIUM (BSN SSP)’ CAMPAIGN**

35. BSN berhak mengikut budi bicara mutlaknya untuk meminda, mengubah, membatal atau menambah mana-mana Terma dan Syarat ini, keseluruhan atau sebahagian, termasuk tidak terhad kepada Tempoh Kempen, tarikh permulaan dan tarikh tamat Tempoh Kempen, pada bila-bila masa dengan memberikan notis dalam tempoh yang difikirkan munasabah oleh BSN sebelum pindaan, perubahan, pembatalan atau penambahan tersebut melalui makluman di Laman Web BSN dan/atau halaman media sosial rasmi BSN, melalui pos, media massa, paparan notis di cawangan BSN, melalui alat elektronik atau apa-apa kaedah komunikasi yang BSN fikirkan sesuai.

*BSN reserves the right at its absolute discretion to amend, vary, delete or add to any of these Terms and Conditions, in whole or in part, including but not limited to the Campaign Period, commencement and end date of the Campaign, at any time by giving notification within the period BSN deems reasonable prior to such amendment, variation, deletion or addition by posting at BSN’s Website and/or BSN official social media page, by post, by notification in the mass media, by posting the notice in BSN’s branches or by electronic transmission or any other method of communication that BSN think appropriate.*

36. BSN berhak mengikut budi bicara mutlaknya untuk menarik balik, membatalkan, menggantung Kempen ini lebih awal daripada Tempoh Kempen atau melanjutkan Tempoh Kempen dengan memberikan notis dalam tempoh yang difikirkan munasabah. BSN tidak akan bertanggungjawab atau menerima sebarang liabiliti yang ditanggung oleh Pelanggan yang Layak secara langsung atau tidak langsung yang disebabkan oleh perubahan ini.

*BSN at its discretion may withdraw, cancel or suspend the Campaign earlier than the Campaign Period or extend the Campaign beyond the Campaign Period by giving notice within the period BSN deems reasonable. BSN will not be responsible for or accept any liability incurred by the Eligible Customers, directly or indirectly, caused by the changes.*

37. Sebarang pindaan, perubahan, pembatalan atau penambahan kepada Terma dan Syarat ini akan mengikat Pelanggan yang Layak dan dianggap sebagai telah dibawa ke perhatian dan pengetahuan semua Pelanggan yang Layak melalui paparan di BSN atau melalui notis yang dihantar oleh BSN atau pengiklanan di halaman media sosial rasmi BSN atau mana-mana medium lain yang difikirkan sesuai oleh BSN

*Any amendment, variation, deletion or addition to the Terms and Conditions herein shall be binding on the Eligible Customers and be deemed to be brought to the Participant’s attention and knowledge by its display at BSN or by notice being sent by BSN or by advertisement at BSN’s official social media page or BSN Website or by any other mode which BSN deems fit.*

38. Sekiranya terdapat percanggahan antara Terma dan Syarat Kempen ini dengan bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Kempen ini, maka Terma dan Syarat ini akan terpakai. Sebarang perkara mengenai Kempen yang tidak dinyatakan di dalam Terma dan Syarat adalah bergantung kepada budi bicara mutlak pihak BSN.

*In the event of any inconsistency between the Terms and Conditions and any advertising, promotional, publicity and other materials relating to or in connection with this Campaign, then these Terms and*



**TERMA DAN SYARAT KEMPEN ‘BSN SIJIL SIMPANAN PREMIUM (BSN SSP)’**

**TERMS AND CONDITIONS ‘BSN SIJIL SIMPANAN PREMIUM (BSN SSP)’ CAMPAIGN**

*Conditions shall prevail. Any matter with regards to the Campaign which is not covered in these Terms and Conditions will be determined solely by BSN at its discretion.*

39. Terma dan Syarat ini adalah tertakluk kepada dan ditafsir selaras dengan undang-undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

*These Terms and Conditions shall be subject to and construed in accordance by the Laws of Malaysia and subject to the exclusive jurisdiction of the Courts of Malaysia.*

**- TERMA DAN SYARAT KEMPEN TAMAT -  
- END OF CAMPAIGN TERMS AND CONDITIONS-**